

## **KES COVID-19 PAHANG MENINGKAT, KEADAAN DI KUANTAN MEMBIMBANGKAN**

**KUANTAN, 14 MEI 2021:** YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail hari merayu kepada semua rakyat Pahang khususnya penduduk Kuantan untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ini berikutan situasi terkini wabak pandemik COVID-19 di negeri ini yang semakin membimbangkan yang sehingga kini mencatatkan sebanyak 178 kes positif baharu.

Menurut Dato' Sri Haji Wan Rosdy, Sehingga 5 petang hari ini, daripada 178 kes positif baharu yang dilaporkan di Pahang, 135 kes daripadanya melibatkan daerah Kuantan termasuk dengan kemunculan kluster baharu tempat kerja dikenali Kluster Menara Jalan Putra.

"Empat hari sebelumnya pun, turut menunjukkan bilangan kes positif baharu yang tinggi di daerah Kuantan berbanding seluruh Pahang iaitu 38 kes daripada 77 kes pada 10 Mei; 40 kes daripada 85 kes pada 11 Mei; 39 kes daripada 63 kes pada 12 Mei; dan, 22 kes daripada 56 kes pada 13 Mei.

"Selain itu, sudah terdapat empat kawasan dalam daerah Kuantan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) termasuk Taman Tanah Putih Baharu yang masih berkuatkuasa, bermula 5 Mei sehingga 18 Mei.

"Tiga kawasan lain yang pernah dikenakan PKPD yang sama dan telah pun tamat tempoh penguatkuasaannya ialah Indera Mahkota 2, Astaka Village dan Galing," katanya dalam satu kenyataan media di sini hari.

Katanya, maklumat-maklumat yang diperolehi ini sangat membimbangkan, disebalik saranan berkali-kali yang dibuat oleh beliau sebelum ini termasuk terbaharu, dalam perutusan sempena Hari Raya Aidil Fitri 1442 Hijrah.

"Oleh itu, saya sekali lagi merayu agar rakyat Pahang khususnya penduduk Kuantan, memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh MKN dan KKM.

"Saya bimbang jika situasi sekarang berlarutan, malah berlaku lagi peningkatan terutamanya di daerah Kuantan, MKN mungkin akan mencadangkan langkah-langkah yang lebih ketat lagi bagi membendungnya," katanya. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP**

